



KEMPEN ASBF ‘APPLY 2 WIN’ UNTUK PELANGGAN

Terma dan Syarat:

1. Kempen ASBF ‘**APPLY 2 WIN**’ Untuk Pelanggan (selepas ini dirujuk sebagai “**Kempen**”) bermula pada **1 Julai 2025** dan berakhir pada **30 September 2025**, kedua-dua tarikh termasuk, melainkan dinyatakan sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Maybank**”) dan akan tertakluk kepada terma dan syarat ini (“**Terma dan Syarat**”). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di Klausa 3 bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
3. Kriteria kelayakan untuk Kempen ini adalah seperti berikut:
 - a. Pelanggan harus memohon untuk Pembiayaan ASB/-i, secara fizikal ataupun dalam talian, melalui laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau aplikasi MAE atau dengan menyerahkan permohonan Pembiayaan ASB/-i secara fizikal di mana-mana cawangan Maybank.
 - b. Permohonan tersebut hendaklah diserahkan semasa Tempoh Kempen dengan pembayaran tidak lewat daripada Oktober 2025.
 - c. Kempen ini juga terbuka kepada semua staff Kumpulan Maybank.(selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”).
4. Pelanggan yang Layak boleh memperoleh penyertaan dalam Kempen ini apabila memenuhi jumlah minimum Pembiayaan ASB/-i (tidak termasuk PRTA/T) seperti berikut:

| Jumlah Pembiayaan / Pinjaman | Penyertaan Diperoleh untuk Permohonan Fizikal | Penyertaan Diperoleh untuk Permohonan melalui Laman Sesawang M2U/MAE |
|-------------------------------------|--|---|
| RM50,000 hingga RM99,999 | 1 Penyertaan | 3 Penyertaan |
| RM100,000 hingga RM149,999 | 2 Penyertaan | 6 Penyertaan |
| RM150,000 hingga RM200,000 | 3 Penyertaan | 9 Penyertaan |

5. Semua pemenang akan menerima ganjaran Maybank Islamic Gold Account-i (**“akaun MIGA-i”**) bernilai seperti berikut:

Hadiyah Bulanan

| Bilangan Pemenang | Hadiyah (RM) | Jumlah Hadiyah Bulanan (RM) | Jumlah Hadiyah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen (RM) |
|-------------------|--------------|-----------------------------|---|
| 200 | 400 | 80,000 | 240,000 |

Hadiyah Utama

| Kedudukan | Hadiyah (RM) | Jumlah Pemenang | Jumlah Hadiyah Utama sepanjang Tempoh Kempen (RM) |
|-----------------|--------------|-----------------|---|
| 1 st | 10,000 | 1 | 10,000 |
| 2 nd | 8,000 | 1 | 8,000 |
| 3 rd | 6,000 | 1 | 6,000 |
| 4 th | 4,000 | 1 | 4,000 |
| 5 th | 2,000 | 1 | 2,000 |
| Jumlah | | 5 | 30,000 |

- Maybank adalah ahli PIDM.
- MIGA-i tidak dilindungi oleh PIDM.

- Pemenang dikehendaki memiliki/membuka akaun MIGA-i bagi menerima hadiah.
- Jumlah emas (dalam gram) yang diterima oleh pemenang adalah tertakluk kepada harga emas pada tarikh pembelian oleh Maybank.
- Pemenang akan dipilih secara rawak oleh program rawak Maybank.
- Hadiyah akan dikreditkan terus ke akaun MIGA-i pemenang (jika ada) atau sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun MIGA-i, pemenang perlu membuka akaun MIGA-i dalam tempoh enam puluh (60) hari calendar selepas pengumuman keputusan Kempen dan pemenang perlu mengekalkan minimum RM10 di dalam akaun tersebut. Sekiranya pemenang gagal membuka akaun MIGA-I dalam tempoh yang ditetapkan, pemenang yang disenarai pendek akan hilang kelayakan secara automatik dan Maybank tidak akan bertanggungjawab dan berhak untuk menghubungi pemenang yang disenarai pendekkan seterusnya.
- Pemenang bulanan akan diumumkan setiap 20 haribulan bulan berikutnya manakala pemenang Hadiyah Utama akan diumumkan selewat-lewatnya pada 30 November 2025.

11. Maybank akan membuat maksimum lima (5) kali panggilan dalam waktu bekerja (9 pagi sehingga 6 petang) dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas keputusan Kempen diumumkan untuk menghubungi pemenang menggunakan nombor telefon terkini yang direkodkan oleh Maybank. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi panggilan yang dibuat kepada pemenang yang (i) tidak selesai atau terputus atas apa-apa sebab; dan/atau (ii) tidak dijawab kerana ketiadaan pemenang pada tarikh dan masa pengumuman tersebut.
12. Pelanggan yang Layak perlu bertanggungjawab memastikan nombor telefon yang diberikan kepada Maybank adalah terkini dan dikemaskini.
13. Maybank berhak merakam perbualan telefon.
14. Pemenang akan diumumkan di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my dan/atau media sosial Maybank.
15. Maybank berhak untuk memilih pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana pemenang yang mungkin tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa sebab sekalipun sepanjang Tempoh Kempen.
16. Semua penyertaan dan keputusan yang direkodkan oleh Maybank adalah muktamad dan konklusif. Sebarang surat-menjurat lanjut, rayuan, protes, atau percubaan untuk membantah hal yang sama tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
17. Semua hadiah untuk Kempen tidak boleh dipindah milik atau ditukar dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Pemenuhan hadiah mesti diselesaikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas pemberitahuan kepada pemenang. Mana-mana hadiah yang pemenang tidak memenuhi kriteria untuk dipenuhi akan dibatalkan.
18. Semua pemenang Kempen akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan hadiah dan Kempen.

Terma & Syarat Am

19. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan apa-apa jenis kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara yang sama bukan disebabkan oleh Maybank.
20. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan berhak untuk mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender notis terdahulu mengenainya, yang mana notisnya hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang

ditetulkan oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk dimaklumkan atau sebaliknya mendapatkan sebarang notis yang disiarkan secara sah.

21. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap untuk melihat Terma dan Syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan bersetuju serta memberikan kebenaran untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses, dan digunakan oleh Maybank mengikut Notis Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Pernyataan Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu").

Di samping itu, dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu , Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan kempen dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung dengan Kempen.

Nota: PDPA merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

23. Maybank dan pegawai, pembantu, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini atas sebarang kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, istimewa, atau bersifat konsekuensi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian pendapatan, keuntungan, atau reputasi baik) yang timbul dari atau berkaitan dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh sebarang kelalaian atau pengabaian yang besar oleh Maybank.
24. Maybank tidak akan bertanggungjawab dan/atau berkewajipan atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan yang Layak berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini atau sebaliknya.
25. Selanjutnya, Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang keingkaran terhadap obligasinya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada kehendak tuhan, perang, rusuhan, mogok, tindakan

industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang peristiwa di luar kawalan Maybank.

26. Maybank berhak untuk menolak/menafikan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau ditemui atau disyaki sedang merosakkan Kempen dan/atau proses atau operasi Kempen ini yang melibatkan aktiviti penipuan termasuk sebarang tindakan penipuan dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen.
27. Terma dan Syarat ini akan tertakluk kepada Undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
28. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen, sila hubungi talian hotline Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.

-Penghujung Terma Dan Syarat **Kempen ASBF 'Apply 2 Win' Untuk Pelanggan** -